

## Sejarah Shariah Islam dan Perkembangannya

Di dalam keluaran ini dijelaskan lebih lanjut tentang duduknya *Tābi'āt Tābi'in* di dalam menghadapi perkembangan-perkembangan agama yang dihadapi mereka dan bagaimana mereka menjalankan hukum-hukum yang masanya telah berjauhan sesudah wafat Rasulullah (S.A.W) dan sahabat-sahabat.

(4)

Fatwa dan ilmu 'Alī bin Abī Ṭālib ada juga berkembang di Kufah. 'Alī bin Abī Ṭālib adalah alim dari semua sahabat-sahabat tetapi kerana urusan-urusan negara yang terletak di tangan baginda 'Alī maka masa tidak mengizinkan baginya memberikan perhatian yang penuh di dalam perkembangan ilmu-ilmu itu. Sungguhpun begitu, peluang baginya bersama-sama sahabat lain memberikan fatwa-fatwa di antaranya mufti-mufti dan fuqahā'-fuqahā' Kufah yang dapat belajar kepada 'Abd Allāh bin Mas'ūd, 'Alī bin Abī Ṭālib dan lain-lain sahabat ialah:

'Alqamah bin Qays al-Nasā'ī,  
Ṣurayḥ bin al-Ḥārith al-Qāḍī,  
'Abd Allāh bin 'Utbah bin Mas'ūd al-Qāḍī,  
Al-Aswad bin Yazīd al-Nasā'ī,  
'Amrū bin Sharjīl al-Hamdānī,  
Masrūq bin al-Ajdā', dan  
'Abd al-Raḥman bin Abū Layla.

Yang akhir disebut ini telah mempelajari agama daripada 120 orang sahabat. Mereka adalah memegang peranan memperkembangkan ilmu agama dan fekah di Kufah dan di sekelilingnya. Mereka ini ialah golongan *Tābi'in*. Di belakang mereka menyusul pula satu golongan *tabiin* yang besar-besar dan kuat. Di antaranya dapat disebutkan nama-namanya seperti di bawah ini:

Ibrāhīm al-Nasā'ī,  
'Āmir al-Shab'ī,  
Sa'īd bin Zubayr.

Kemudian daripada itu timbul golongan Ḥammād bin Abū Sulaymān dan Sulaymān al-A'mash dan setelah itu timbul golongan yang melahirkan Imām Abū Ḥanīfah dan sebagainya antara 'Abd Allāh bin Shabrīmah dan Sufyān al-Thawrī. Yang demikian ini ialah di kota baru Kufah itu.

Adapun di Basrah iaitu bandar baru yang dibangunkan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb, di sana terdapat ulama dan fuqahā'-fuqahā' besar dari kalangan sahabat-sahabat Nabi yang sengaja dipindahkan ke sana untuk pekerjaan mengembangkan agama Islam. Di antara mereka itu ialah Abū Mūsā al-Ash'arī dan Anas bin Mālik.

Dalam negeri baru ini akan banyak timbul kejadian-kejadian soal-soal yang sama sekali belum ada unsurnya pada zaman Nabi. Soal-soal itu mustahak diselesaikan dengan segera supaya ia tidak menjadikan kekosongan dalam masyarakat. Hal itu telah diketahui lebih dahulu dari peristiwa-peristiwa yang datang dari Kufah. Oleh sebab yang demikian Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb dengan sengahaja telah memilih Abū Mūsā al-Ash'arī untuk dikirim menjadi kadi (hakim) dan guru ke sana. Pengiriman itu dilakukan dengan rasmi dan disertai dengan amanat yang sangat berharga. Amanat itu menjadi surat-surat yang penting dalam sejarah Islam sebagai tanda bagaimana kekuatan fikiran dan kebesaran serta kesanggupan sahabat-sahabat Nabi mengatasi perkembangan yang terdapat dalam masyarakat dunia pada masa itu.

Amanat itu sama ertinya dengan beberapa pertunjuk

dan dasar bagi mengadili dan memutuskan sesuatu hukum atau sesuatu perkara mengenai hukum-hukum *civil* dan *criminal* (jenayah). Marilah kita ikuti di bawah ini amanat Saiyidina ‘Umar yang dibawa oleh Abū Mūsā al-Ash‘arī.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Penyayang.

Dari ‘Abd Allāh, *Amīr al-Mu‘minīn* kepada ‘Abd Allāh bin Qays.

Selamat kepada saudara,

Kemudian daripada itu, mengadili dan memutuskan sesuatu perkara adalah fardu yang ditetapkan oleh Allah dan Sunnah Nabi yang wajib diikuti. Kalau ada perkara yang disampaikan kepada saudara, fahamkanlah dahulu baik-baik. Perbicaraan yang tidak ada pegaruhnya tidak bermanfaat. Supaya manusia yang di hadapan saudara hendaklah disamaratakan demikian juga cara saudara memandang kepada mereka dengan muka dan memberi keputusan, supaya yang mulia tidak mengharamkan penyimpangan dari saudara dan orang yang lemah tidak akan takut kepada keadilan saudara.

Sesiapa yang menuduh (mendakwa) hendaklah memberi bukti atas dakwaannya. Orang yang ingkar (terdakwa) wajib bersumpah. Di antara kaum Muslimin harus berdamai selagi perdamaian itu tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal.

Sesiapa yang mendakwa mempunyai hak yang ghaib atau ada keterangannya untuk itu — berilah kepada waktu yang tertentu bagi membawa bukti-buktinya. Kalau ia mendapat bukti-bukti itu maka berikan haknya; kalau tidak tolak tuntutan. Demikianlah yang lebih baik dan lebih jelas.

Kalau umpamanya semalam saudara telah memutuskan sesuatu keputusan, kemudian hari ini saudara dapat melihat alasan hukum yang lain, hendaklah janganlah yang demikian itu menghalangi saudara membatalkan keputusan semalam dengan keputusan yang baru. Demikianlah perbuat kerana kebenaran itu lebih tua, tidak dapat dibatalkan oleh sesuatu apa jua pun. Berbalik kepada kebenaran lebih

baik daripada terus-menerus di dalam batil.

Kaum Muslimin itu sama-sama adil, terkecuali orang yang telah kedapatan melakukan saksi palsu atau telah pernah didera kerana melanggar suatu hukum dera atau telah diragui tentang kewaliannya dan tentang berkerabatnya.

Demikianlah perbuat kerana halnya Tuhan mengetahui segala rahsia dan Tuhan juga yang telah menutup had daripada manusia, kecuali ada bukti atau ada sumpah yang menguatkannya.

Setelah itu fahamkanlah segala apa yang disampaikan kepada saudara yang tidak tersebut nasnya di dalam al-Qur‘ān dan al-Sunnah, perbandingkanlah keadaan-keadaan waktu itu, dan pelajari mana soal-soal yang serupa. Setelah itu peganglah mana yang dicintai Allah dan yang lebih hampir kepada kebenaran.

Jauhkanlah sifat-sifat marah, kata Saiyidina ‘Umar di dalam suratnya itu, dan sifat-sifat keluh kesah, gelisah dan menyakiti manusia; ataupun berat sebelah dalam masa orang sedang berdakwa-dakwi, kerana memutuskan perkara dengan adil di tempat-tempat yang hak dengan kebenaran adalah mewajibkan beroleh pahala dan memberi nama yang baik. Sesiapa yang ikhlas niatnya untuk kebenaran, walaupun atas dirinya sendiri akan dipelihara Allah antaranya dengan orang ramai. Siapa yang memperlihatkan dirinya apa yang sebenarnya tidak ada pada dirinya, ia akan mendapat keburukan. Tuhan tidak menerima yang tidak ikhlas dari hambanya... *wa al-salāmu ‘alaykum wa rahmatu Allāhi wa barakātuh*.

Demikianlah amanat Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb sebagai *Amīr al-Mu‘minīn* kepada seorang kadi (hakim) yang baharu dilantik di Basrah. Amanat ini menggambarkan bagaimana cepat dan tepatnya kemajuan umat Islam bekerja sesudah Rasulullah. Sudah tentu amanat itu digunakan pula kepada lain-lain kadi dan dijadikan pedoman oleh setiap ulama dan fuqahā’ Islam di mana jua mereka berada.

(Bersambung)